

Headline	Debaran final hoki Piala TNB		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	25 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	62
ArticleSize	278 cm ²	Journalist	MUHD. ARDIE
PR Value	RM 21,645		



Perlawanan akhir menemukan THT, Sapura di Stadium Hoki Tun Razak

Debaran final hoki Piala TNB

Oleh MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI

PASUKAN Hoki Terengganu (THT) berharap dapat mengekalkan rentak cemerlang dengan merangkul trofi kedua musim ini menjelang perlawanan akhir Piala TNB menentang Sapura di Stadium Hoki Tun Razak, Kuala Lumpur malam ini.

Sebagai rekod, skuad bimbingan Sarjit Singh yang masih segar dengan kejayaan meraih trofi Liga Perdana musim ini dianggap sebagai pasukan pilihan, lebih-lebih lagi dengan status mereka sebagai juara bertahan Piala TNB sejak dua edisi lalu.

Sementara itu, Sapura yang melangkah ke perlawanan akhir setelah menyingkirkan finalis musim lalu, Kelab Hoki Kuala Lumpur dengan penentuan penalti 4-2 selepas keputusan agregat terikat 4-4 dijangka

memberi cabaran sengit buat skuad gergasi Pantai Timur itu.

Mengulas mengenai aksi final itu, tonggak pertahanan Sapura yang juga pemain kebangsaan, Faiz Helmi Jali berkata, dia dan rakan-rakan sepasukan sememangnya mengharapkan keputusan bakal memihak kepada mereka selepas kali terakhir meraih trofi berprestij itu pada tahun 2006.

"Kami sudah cukup bersedia kerana aksi di pentas final merupakan sasaran sebelum

ini. Bagaimanapun, persiapan pasukan sedikit terjejas ekoran ketiadaan kapten pasukan, Marhan (Jalil) yang mengemudi di bahagian tengah kerana kecederaan buku lali.

"Saya akui kehilangan nya mungkin akan merencatkan rentak permainan sebab Marhan kebiasaannya sangat berfungsi di posisi tengah. Just-

eru, siapa sahaja yang diberi tanggungjawab untuk mengisi kekosongannya perlu bermain sebaik mungkin," ujar Faiz yang dijangka menggagas tugas selaku kapten pada pentas final itu nanti.

Dalam perkembangan sama, ketua pasukan THT, Mohd. Shahrul Nabil Abdullah pula percaya, mereka sudah bersedia untuk mencatat sejarah dengan merangkul trofi buat kali ketiga berturut-turut dalam kejohanan yang telah memasuki edisi ke-27 itu.

PIALA TNB		
JADUAL PERLAWANAN		
FINAL		
THT	HARI INI	Sapura
8.30 mlm	lwn	
Stadium Hoki Tun Razak, Kuala Lumpur		



PEMAIN THT, Kim Junghoo (kiri) dijangka diturunkan pada aksi final Piala TNB menentang Sapura di Stadium Hoki Tun Razak, Kuala Lumpur malam ini.